

## 25 graduan diserap ke jawatan pengurusan McDonald's

Mary Victoria Dass  
am@hmetro.com.my



PESERTA program perantis bergambar bersama barisan pengurusan KYPJ dan MacDonald's Malaysia di KYPJ Kota Tinggi baru-baru ini. FOTO ihsan KYPJ

Kota Tinggi: Seramai 25 graduan bakal diserap ke jawatan pengurusan di rangkaian restoran makanan segera McDonald's sebaik menamatkan program perantis pengurusan restoran selama lapan hari hingga 15 bulan di Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ).

Timbalan Ketua Eksekutif KYPJ Mohd Asmadi Alias berkata, peserta dalam kalangan graduan yang kehilangan pekerjaan ketika kemuncak pandemik Covid-19 pada 2020 dan 2021 itu berjaya menamatkan Kursus Kompetensi Pengurusan Restoran selama 18 hari anjuran KYPJ dengan kerjasama McDonald's Malaysia baru-baru ini.

Beliau berkata, program itu di tajaan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan 'Career Advancement Programme' (CAP).

"Ia bertujuan mengembangkan potensi diri serta membina kerjaya dalam industri perkhidmatan makanan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

"Kursus ini memberi sinar baharu kepada mereka yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

"Peserta juga bersyukur kerana program ini memberi laluan kerjaya bagi menyertai pengurusan McDonald's yang juga restoran makanan segera terkenal di seluruh dunia," katanya pada kenyataan hari ini.

Majlis penutup Kursus Kompetensi Pengurusan Restoran KYPJ dengan kerjasama McDonald's Malaysia di KYPJ Kota Tinggi di sini, disempurnakan Mohd Asmadi manakala McDonald's diwakili Pengurus Sumber Manusianya, Rosli Salim.

Peserta, Muhammad Hassan Hamdi, 24, dari Kempas, Johor Bahru yang diberhentikan kerja daripada sebuah hotel terkemuka akibat pandemik Covid-19 bersyukur kerana terpilih menyertai program berkenaan sekali gus membolehkan beliau menyertai pasukan pengurusan McDonald's.

"Selepas diberhentikan kerja, saya melakukan pelbagai pekerjaan dengan pendapatan tidak tetap.

"Kursus ini membolehkan saya merancang masa depan dengan lebih baik," katanya.

Muhamad Zharif Asyraf Anuar, 25, dari Kota Tinggi pula diberhentikan kerja daripada sebuah syarikat katering dan turut melakukan pelbagai pekerjaan untuk kelangsungan hidup.

"Kursus ini memberi harapan kepada saya untuk mengecapi kerjaya yang lebih terjamin selain mempunyai masa depan.

"Terima kasih kepada KYPJ dan McDonald's yang memberi peluang kepada graduan yang kehilangan pekerjaan seperti kami pekerjaan yang menjamin masa depan," katanya.

Graduan dari Kodiang, Kedah, Ku Nur Ainin Sofiya, 24, menyifatkan dirinya bertuah kerana mendapat tawaran mengikuti dua program yang mampu menjamin masa depannya.

Graduan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) itu berkata, peluang untuk bekerja sebagai penolong pengurus dan pengurus di McDonald's adalah tawaran yang sangat baik kerana ia menjanjikan masa depan yang terjamin.

Peserta yang mengikuti Program Perantis Pengurusan McDonald's dibayar elaun RM60 sehari dengan tempoh bekerja minimum lapan jam sehari.

**Disiarkan pada: Mac 30, 2022 @ 1:13pm**